



Berita BANDARAYA

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.11 Feb 2009/Safar 1430H

ISSN 1675-1873 Astan dan Percuma


DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Tahun 2009 merupakan tahun kelima Hari Wilayah Persekutuan disambut secara bersama oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Majlis sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada kali ini telah diadakan di Astaka, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 1 Februari yang lalu.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan diiringi oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique serta isteri masing-masing. Turut hadir sama ialah Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Fuad Ismail, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Hj. Salleh Yusop dan isteri serta ketua-ketua jabatan Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.

Dalam ucapan perasmian, Datuk Seri Abdullah berkata, perpaduan kaum yang terjalin di kalangan warga Wilayah Persekutuan sepatutnya dijadikan contoh kepada semua agar Malaysia sentiasa aman dan sejahtera. Warga Wilayah Persekutuan juga diseru supaya sentiasa menanamkan sikap bertanggung jawab dan sayangkan tempat tinggal terutamanya di dalam menjaga segala kemudahan awam yang disediakan.

Walaupun sambutan tahun ini yang bertemakan 'Wilayah Maju Warga Sejahtera' disambut secara sederhana akibat kemerosotan ekonomi global, namun ianya tetap meriah dengan penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Antara acara-acara yang diadakan ialah acara perhimpunan yang melibatkan agensi dan jabatan kerajaan, pihak swasta, badan sukarela, persatuan penduduk perumahan awam dan anggota keselamatan. Ianya melibatkan kira-kira 3000 orang peserta. Seterusnya, pengunjung turut kagum melihat perarakan bendera oleh 35 ahli pasukan berkuda DBKL. Sebagai acara kemuncak perasmian Hari Wilayah Persekutuan tahun ini, sebanyak 30 ribu belon berwarna-warni telah dilepaskan ke udara yang menjadi tarikan utama kepada kira-kira 6000 pengunjung.



'Wilayah Maju Warga Sejahtera'

Hari Wilayah Persekutuan 2009



Dari Meja Datuk Bandar

Dato' Ahmad Fuad b. Ismail



Dalam keadaan ekonomi global yang mengalami krisis dan pelbagai cabaran, aspek peningkatan kecekapan dan produktiviti menjadi lebih penting kerana ia akan menjadi penentu sama ada pelabur berminat melabur di sesebuah negara. Oleh itu, penekanan terhadap aspek tadbir urus yang baik (good governance) dalam mana-mana organisasi samada dalam sektor swasta atau sektor awam perlu diperhebatkan. DBKL sendiri sedang mengorak langkah ke arah mencapai matlamat tersebut.

Usaha untuk menyegerakan sesuatu urusan juga mencerminkan peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan yang tidak semestinya melibatkan sebarang peruntukan tambahan. Sebagai penjawat awam, warga kerja DBKL sentiasa diperingatkan supaya melaksanakan sesuatu tugas dengan segera, tanpa berlengah dan mempunyai sense of urgency. Mereka juga digalakkan mengkaji dan mencari jalan penambahbaikan supaya setiap urusan dapat dipermudah dan dipercepatkan.

Di samping itu, bagi mempertingkatkan lagi sistem tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam agar lebih berkualiti, DBKL telah melaksanakan MS ISO 9001:2008. Ia adalah satu sistem pengurusan dalam organisasi untuk dipatuhi bagi menghasilkan perkhidmatan dalam keadaan terkawal. ISO 9001 merupakan keperluan standard untuk menilai kebolehan memenuhi pelanggan dan peraturan berikutnya. Dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ini, DBKL berharap ia akan dapat mewujudkan keseragaman di dalam pengurusan perkhidmatan yang diberikan, menghasilkan atau memberikan perkhidmatan dalam keadaan yang dijangkakan serta menyediakan rangka kerja untuk meningkatkan kualiti. Pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang melibatkan kesemua jabatan dan unit DBKL ini telah dimulakan sejak bulan Februari 2009. DBKL mensasarkan persijilan MS ISO 9001:2008 ini diperolehi pada bulan Oktober 2009 nanti.

Semoga inisiatif ini yang dilaksanakan ini mendapat sokongan dan komitmen dari semua pihak terutamanya warga kerja DBKL sendiri dalam melaksanakan misi dan mencapai visi yang telah ditetapkan.

With the current global economic crisis along with various other challenges, efficiency and productivity is of great importance, as it determines whether investors are interested to invest in a particular country or otherwise. As such, good governance in any organisation, be it, private or public need to be robustly improved. DBKL has already begun its journey to achieve this target.

Efforts to speed up transactions are also a result of system improvements and need not necessarily require additional allocations. As public servants, the staff of DBKL are consistently reminded to carry out their tasks expeditiously, without delays and with a sense of urgency. They are also encouraged to review and seek ways to improve every task and transaction so as to simplify and expedite them.

DBKL is consistently improving its governance in order to deliver better services to the public, and as such has applied for the MS ISO 9001:2008 certification, a management system to be strictly adhered to, in order to provide service under well controlled conditions. ISO 9001 is a standard requirement to assess the ability to fulfil customers' needs and regulations' requirements. With the application of the Quality Management System, DBKL aspires to provide services in a uniform manner, serve the public according to their expectations and provide a framework to improve quality. The implementation of the quality management system involving all DBKL departments and units commenced in February 2009, and the MS ISO 9001:2008 certification is targeted to be obtained in October 2009.

It is my hope that each and everyone, particularly the staff of DBKL will give their utmost support and commitment to achieve this mission and vision.

From the Mayor's Desk

Sayangi Kuala Lumpur


The Federal Territory Day 2009

2009 is the fifth year the Federal Territory day is celebrated by all three territories, namely Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya. This year, this auspicious day was celebrated at the Astaka, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

The opening ceremony was officiated by the Prime Minister of Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi along with the Federal Territory Minister, Datuk Seri Zulhasnan Rafique and their respective wives. The Mayor of Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Fuad Ismail, The Director General of Kuala Lumpur Municipal Council (DBKL), Datuk Hj. Salleh Yusop and wife along with department heads of the Ministry of Federal Territory, DBKL, Putrajaya Corporation and Labuan Municipal Council were also present.

In his speech, Datuk Seri Abdullah highlighted that the racial unity in the Federal Territory is exemplary and should be emulated by the rest of Malaysia to ensure peace and prosperity. Residents of the Federal Territory are also urged to be responsible and to love their place of residence and to protect the amenities provided there.

This year's theme was 'Wilayah Maju Warga Sejahtera'. Due to the global economic crisis, prudence was exercised in planning the celebration, yet it was still not lacking in pomp and glamour and involved the participation of all members of the community. One of the events during this celebration was a parade involving government agencies and departments, the private sectors, voluntary bodies, public housing associations as well as the safety and security services. It involved approximately 3000 participants. Spectators were especially impressed by the parade of the 35 DBKL staff on horseback. The highlight of the Federal Territory Day, was the release of 30 thousand colourful balloons, which attracted more than 6000 spectators.



Sidang Redaksi

- Penasihat : Y. Bhg. Dato' Ahmad Fuad bin Ismail
Ketua Editor : Y. Bhg. Datuk Hj Salleh bin Yusup
Editor : Anwar bin Mohd Zain
Sub-Editor : Nor Iz Hayza binti Md Zam
Pem. Editor : Emy Hezrin binti Hanafiah
Wan Norazah binti Wan Md Nor
Jurufoto : Mubarak b. Atan
Abd Rhani bin Md Shohor
Md Ismail bin Isnin

Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada :

**Sidang Redaksi, Berita Bandaraya,
Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5,
Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut,
50250 Kuala Lumpur.**

Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2698 0460
e-mel: penerbitan@dbkl.gov.my